

Penggunaan Portal SLS dalam Pembelajaran Bersepadu Bahasa Melayu

Suriati Djuahir

suriati_djuahir@schools.gov.sg

Murshidah Hassan

murshidah_hassan@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Westwood

Abstrak

Pemahaman dan penggunaan kosa kata yang betul dalam kalangan murid Darjah 1 merupakan satu aspek tatabahasa yang perlu dipertingkatkan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan portal *Student Learning Space* (SLS) untuk meningkatkan pemerolehan kosa kata dalam kalangan murid Darjah 1. Objektif kajian adalah untuk menggalakkan murid belajar secara kendiri aspek tatabahasa dengan cara yang berkesan dan menyeronokkan. Kaedah kajian yang digunakan ialah Pengajaran Secara Eksplisit di dalam bilik darjah dan pengukuhannya melalui portal SLS. Dapatkan kajian amat memberangsangkan kerana murid berminat untuk melibatkan diri secara aktif khususnya dalam penerapan ICT seperti *Kahoot*, *Powtoon* dan *Padlet* dalam portal SLS bagi mempelajari kosa kata dan hasilnya dapat meningkatkan pembelajaran murid.

Kata Kunci: Aplikasi portal SLS, Kahoot, Teknologi Komunikasi dan Maklumat, Kosa Kata, Tatabahasa, pengajaran secara eksplisit



PENGENALAN

Kajian ini mengkaji sejauh mana aplikasi portal SLS dengan gabungan penerapan ICT dapat merangsang pembelajaran tatabahasa terutamanya bahagian Kenal Bahasa dan Mahir Bahasa dalam Buku Cekap Darjah 1. Murid-murid telah didedahkan kepada dua bahagian tatabahasa ini dari awal unit dalam Buku CEKAP. Pengajaran kepada dua bahagian bahasa ini amat digalakkan khususnya dalam membina kosa kata murid. Oleh yang demikian, penggunaan aplikasi portal SLS dapat mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan meningkatkan kemahiran murid menggunakan ICT dalam pembelajaran. Dengan penerapan aplikasi ICT seperti *Kahoot*, *Powtoon* dan *Padlet*, diharapkan dapat menarik minat murid dan menggalakkan pengajaran interaktif yang sesuai dengan kemahiran abad ke-21. Justeru, kajian ini akan melihat sejauh mana keberkesanan penerapan teknologi ini bergabung seperti portal SLS dengan aplikasi ICT yang lain seperti *Kahoot*, *Powtoon* dan *Padlet* dapat merangsang pembelajaran murid dalam memperkasakan kosa kata murid. Dapatkan kajian ini dapat membantu pihak pengkaji untuk mendalami usaha bagi penambahbaikan yang berkaitan dengan PdP tatabahasa untuk membantu merperingkatkan keupayaan dan kemahiran murid seawal Darjah 1.

PERNYATAAN MASALAH

Pada peringkat Darjah 1, amatlah sukar untuk kita mengajar bahagian tatabahasa seperti Kenal Bahasa dan Mahir Bahasa dalam Buku CEKAP. Daya pemerolehan kosa kata dalam bahagian tatabahasa tersebut amatlah rendah. Murid tidak berupaya mengingat kembali kosa kata yang dipelajari jika hanya diajar di dalam bilik darjah secara eksplisit. Unit Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Westwood, sedar bahawa penerapan ICT merupakan satu wadah yang dapat membantu untuk merangsang minat dan meningkatkan kosa kata murid. Namun, sebelum murid-murid dapat mengukuhkan tahap kemahiran mereka mempelajari tatabahasa, guru haruslah mengajar secara eksplisit di dalam bilik darjah dahulu agar konsep yang diajar menjadi lebih jelas dan mantap. Biarpun PdP Amalan Pengajaran Singapura (STP) dirancang secara eksplisit, sejauh mana gabungan portal SLS dengan penerapan ICT yang lain dapat membantu murid dalam pemerolehan tatabahasa.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. melihat sejauh mana penggunaan gabungan portal SLS dengan penerapan aplikasi ICT yang lain seperti *Kahoot*, *Powtoon* dan *Padlet* dapat merangsang minat murid untuk belajar dan mempertingkat pemerolehan tatabahasa; dan
2. melihat keberkesanan penerapan pengajaran secara eksplisit dan penggunaan gabungan portal SLS dengan penerapan ICT dalam mempertingkat keyakinan diri dan pengetahuan murid dalam kemahiran pengetahuan tatabahasa.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian tindakan yang pernah dijalankan oleh guru-guru dari beberapa sekolah seperti Sekolah Rendah Jurong (2017). Mereka telah meneliti keberkesanan strategi drama dalam pembelajaran dan gabungan penggunaan ICT dalam pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 79.2% murid telah berjaya menjawab soalan-soalan yang diberikan dalam pascaujian dibandingkan dengan praujian. Murid-murid dapat memahami cara mempraktikkan strategi (SK)2 yang diperkenalkan dan lebih terarah dari segi cara menjawab komponen golongan kata. Penggunaan drama dan penerapan ICT merupakan antara wadah yang turut membantu mempertingkatkan penggunaan dan mengembangkan kosa kata murid-murid. Berdasarkan kajian-kajian para guru dalam Seminar Bahasa pada tahun-tahun sebelumnya, Unit Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Westwood mendapati penerapan ICT amat berkesan dalam PdP Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, semasa HBL tahun ini, murid-murid Darjah 1 didedahkan dengan penerapan ICT dalam portal SLS. Kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan pelbagai cara PdP bagi komponen tatabahasa yang boleh merangsang minat murid untuk menggunakan kosa kata dengan lebih berkesan. Dari itu, kertas kajian ini juga ingin meneroka gabungan portal SLS and penggunaan ICT aplikasi *Kahoot*, *Powtoon* dan *Padlet* dalam meningkatkan permerolehan kosa kata dalam kalangan murid-murid Darjah 1 setelah pengajaran eksplisit dijalankan di dalam bilik darjah.



KAEDAH KAJIAN

Dalam menangani masalah ini, kaedah kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berdasarkan pemerhatian pengkaji. Pengkaji ingin mengetahui keberkesanannya gabungan portal SLS dengan penerapan ICT seperti *Kahoot*, *Powtoon* dan *Padlet* dalam pengajaran. Melalui portal SLS, pengkaji dapat memantau pelibatan murid dalam melaksanakan tugas yang diberikan. STP juga diterapkan bagi membantu pengkaji melakarkan PdP yang lebih tersusun dan berstruktur. Penerapan elemen STP bagi pelaksanaan pelajaran dapat membina kepercayaan murid dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan. Budaya positif di dalam bilik darjah amat penting agar pengajaran dijalankan dalam suasana yang tenang dan kondusif terutama bagi murid Darjah 1. Murid-murid akan berasa selesa dan mengikuti pengajaran dengan baik. Oleh itu, pengajaran eksplisit di dalam bilik darjah amat penting agar murid-murid dapat menjalankan tugas dalam portal SLS dengan yakin secara kendiri. Dalam pengajaran, Aspek Pengajaran (AP) Memberikan Penerangan dengan Jelas dan AP Menggalakkan Pelibatan Pelajar dirancang agar pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid dalam tahap pelbagai keupayaan iaitu keupayaan melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Dua kelas dijalankan secara serentak disebabkan para murid tidak diasangkan berdasarkan kriteria keupayaan. Setiap kelas mempunyai 18 hingga 22 orang murid dan terdiri daripada pelbagai tahap keupayaan.

Instrumen Kajian

Alat bantu yang digunakan untuk memperkasakan tatabahasa murid-murid merangkumi portal SLS dan aplikasi ICT seperti *Kahoot*, *Powtoon* dan *Padlet*.

Murid-murid akan diajar secara ekplisit di dalam bilik darjah menggunakan *Powtoon* sebagai salah satu alat bantu memahami konsep tatabahasa yang diajar. *Powtoon* akan dimasukkan ke dalam portal SLS untuk

murid mengulang kaji atau mengimbas kembali apa yang diajar di dalam bilik darjah. Dalam portal SLS juga, murid akan dipantau pemahaman mereka dengan melakukan ujian kecil. Dalam portal SLS, murid-murid didedahkan dengan pelbagai bahan ujian seperti *Quiz*, *Interactive Thinking Tools*, *Drag and Drop* dan *Poll*. Bagi pengukuhan tambahan, alat ICT seperti *Kahoot* diselitkan bagi tujuan memperkasakan lagi pengetahuan dan juga *Padlet* sebagai bahan memantau pemahaman murid.

Prosedur Kajian

Semasa pemutus rantaian jangkitan COVID-19 yang berlangsung pada bulan April hingga Mei, murid-murid didedahkan secara meluas dengan bahan alat bantu dalam portal SLS dan beberapa alat ICT. Apa yang didapati ialah murid-murid bergantung sepenuhnya dengan bimbingan ibu bapa untuk melaksanakan tugasannya tersebut. Murid kurang yakin melaksanakannya secara kendiri.

Kajian ini dijalankan pada bulan Oktober semasa empat hari Pembelajaran di Ruman (HBL) (pemeriksaan kertas PSLE), dijalankan. Kajian ini merangkumi pengajaran eksplisit di dalam bilik darjah dan diikuti pengukuhan di portal SLS dengan gabungan penerapan ICT.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebuah maklum balas ibu bapa telah dijalankan bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh murid-murid dalam mengikuti pengajaran HBL semasa pemutus rantaian jangkitan COVID-19. Setelah menerima maklum balas tersebut, sekembalinya ke sekolah, murid-murid diajar secara eksplisit di dalam bilik darjah pengajaran tatabahasa. Kemudian, mereka diberikan tugas di rumah melalui portal SLS. Kali ini, ibu bapa digalakkan agar tidak memberi bimbingan dan hanya memantau sama ada tugasannya telah dilaksanakan oleh mereka.

Ibu bapa dapat melihat pengajaran tatabahasa itu melalui klip video *Powtoon*. Dalam klip video *Powtoon*, murid-murid diajar secara eksplisit. Ibu



bapa kepada murid dalam tahap praasas kebolehan digalakkan membimbang anak mereka jika ada sebarang masalah yang dihadapi oleh anak mereka. Namun, ujian pemahaman dan pengukuhan harus dilaksanakan oleh anak mereka tanpa bimbingan ibu bapa.

Hasilnya, murid-murid yang pada mulanya kurang yakin melaksanakan tugas dalam SLS, dapat melakukannya dengan yakin pada HBL yang dijalankan selama empat hari semasa pemeriksaan kertas PSLE. Tugasan dalam portal SLS bukan lagi asing bagi murid-murid. Bahkan mereka sudah terbiasa melakukan ujian pengukuhan pembelajaran bagi setiap unit di portal SLS. Sila rujuk Rajah 1 hingga 5.

Rajah 1: Pengajaran Eksplisit Di Dalam Bilik Darjah Menerusi Portal SLS



Rajah 2 : Pengajaran Eksplisit Di Dalam Bilik Darjah Menggunakan Powtoon



Rajah 3: Hasil Kerja Murid (*Interactive Thinking Tool*)

Ayuh, lihat apakah yang telah kamu tulis dan lukis!

The interface shows a central drawing of a person with thought bubbles containing words like 'SAYANG', 'KELUARGA', 'MURID', 'BERAKHLAK', 'BERAKHLAQ', and 'BERAKHLAQ'. To the left is a grid of small cards with text and icons. To the right is another grid of cards with text and icons. A 'Need help?' button is at the bottom right.

Cantiknya lukisan ini. Mesti seronok dapat melakukan aktiviti bersama.

ZUHAYR BIN MOHAMED NUR AZLI

NAYEF NABAWI IBNU ZULKIFLEE

Comments from students:

- NUR AFIFAH HUMAIRAH BINTE MUHAMMAD NURHAFIZ: Saya berbasikal bersama kakak dan abang.
- Suriati Binte Djuahir: Wah, memang seronok. Sekarang, agak sukar melakukan aktiviti ini. Mungkin selepas perintah berkurni, bolehlah kamu sambung aktiviti ni ya.
- Suriati Binte Djuahir: Wah, cantik lukisannya. Rajin membaca akan bertambahlah ilmu Syabasi!
- Suriati Binte Djuahir: Wah, comelnya Cef Nayef! Seronok memasak hendak jadi Msster Cer'yal Syabasi!

Rajah 4: Hasil Kerja Murid (*Kahoot*)



Rajah 5: Sampel Hasil Kerja Murid (*Padlet*)

The screenshot shows a Padlet board titled "Taip dua kata kerja yang kamu pelajari hari ini." (Type two words you learned today). The board is organized into a grid of 10 cards, each representing a student's response. The columns represent different students, and the rows represent different words learned.

Student	Word 1	Word 2	Rating
Aniqah	bermain dan bersarapan.		★★★★★ (1)
NOR RAFAEL	Bersenam Membaca		★★★★★ (1)
Muhammad Danish	membaca mengejelas		★★★★★ (1)
ADELIA	MENYANYI BERSENAM		★★★★★ (1)
Amna	Membaca Minum		★★★★★ (1)
Syifa	bersenam berenang		★★★★★ (1)
Nurul	Bersenam mempiram		★★★★★ (1)
Nisa	Makan Tidur		★★★★★ (1)
memasak	menyanyi		★★★★★ (1)
Amsyar	membaca bersarapan		★★★★★ (1)
Aaryan	bersenam bermain		★★★★★ (1)
Hafizah	tidur minum		★★★★★ (1)
Aufa	memasak makan		★★★★★ (1)
membaca	memasak		★★★★★ (1)

KESIMPULAN

Dapatan kajian jelas menunjukkan keberkesanan pengajaran eksplisit guru di dalam bilik darjah menerusi portal SLS beserta penerapan ICT dalam menilai keupayaan murid dalam melaksanakan tugas secara kendiri.

Namun, pelibatan ibu bapa juga penting dalam membimbing anak mereka di rumah bagi melaksanakan tugas di portal SLS terutama murid Darjah 1. Dengan melibatkan ibu bapa seawal pembelajaran anak mereka, ibu bapa dan para guru dapat melihat perkembangan proses pembelajaran murid dengan lebih berkesan.

Secara keseluruhan, kepelbagaiannya penerapan ICT dan juga alat pengajaran dalam portal SLS dapat memupuk minat murid mempelajari tatabahasa. Murid bukan sahaja dapat belajar secara kendiri tetapi dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari di dalam dan di luar bilik darjah. Murid akan lebih yakin menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dengan meningkatkan kosa kata mereka. Penerapan ICT juga dapat mengukuhkan pemahaman murid kerana jika mereka seronok melakukan tugas, mereka akan mudah mengingat semula apa yang telah dipelajari.

RUJUKAN

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015. Singapura: CPDD, Kementerian Pendidikan Singapura.

Amalan Pengajaran Singapura, (Singapore Teaching Practice): Ministry of Education Singapore, Malay Language Center of Singapore, Academy of Singapore Teachers

Tan, S.C., Ed Chai, C.S dan Wang Qiyun (2010), *ICT for Self-Directed and Collaborative Learning*, Parentice-Hall.

